

(LETTERHEAD)

Menghadap Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah DKP., DKM., DK., DMN, SSAP., SIMP., DK (Terengganu)., DK. (Johor)., SPMJ., DKMB. (Brunei)., DK (Kedah)., DK (Perlis)., DK (Perak)., DK (Selangor)., DK (Kelantan)., Order of The State of The Republic of Turkiye, Grand Cross of The Order of Saint-Charles (Monaco), yang bersemayam di Istana AbdulAziz, Kuantan, Pahang Darul Makmur dengan beberapa kemuliaan dan kesejahteraannya.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ampun Tuanku,

Adapun warkah al-ikhlas ini dipersembahkan dengan penuh hormat dan takzimnya serta iringan doa kehadrat Allah Subhanahu Wa'taala mudah-mudahan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj serta seluruh kerabat Kebawah Duli Tuanku berada dalam selamat dan sejahteranya.

Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku,

Dengan penuh hormat dan takzimnya, adalah patik (**Nama**) dari (**Jabatan/Agenzi/NGO**). Tujuan utama patik menulis warkah ini adalah kerana patik ingin memohon perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku untuk menghadap pada (**Tarikh**) bersamaan (**Bulan Islam**) jam (**Masa**) atau (**Tarikh**) bersamaan (**Bulan Islam**) jam (**Masa**). Walau bagaimanapun, sekiranya kedua-dua tarikh tersebut tidak dapat diperkenankan oleh Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku. Patik sedia menjunjung titah Kebawah Duli Tuanku untuk patik menghadap pada mana-mana tarikh dan masa yang diperkenankan.

Ampun Tuanku,

Patik dengan rendah diri ingin mohon menghadap atas tujuan .....  
**(Nyatakan tujuan dengan jelas).**

Dalam majlis menghadap ini, patik akan turut diiringi oleh .....  
**(Nyatakan nama dan jawatan).**

Ampun Tuanku,

Demikianlah warkah yang tidak sepertinya ini yang teriring dengan maksud dan tujuannya serta irungan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala mudah-mudahan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Berdua, Putera-putera, Puteri-puteri dan seluruh Kerabat Diraja Pahang sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat-Nya dilanjutkan usia zaman dan sentiasa berada dalam sihat walafiat selama-lamanya.

Ampun Tuanku.

*Patik dengan segala hormat dan takzimnya.*

(                  **NAMA**                  )

Tarikh: ..... 2024M  
..... 1446H

\*\*\* Nota

*Font* : Tahoma (Saiz 14)

*Spacing* : 1.15

\*\* Nyatakan dalam surat litup nombor telefon untuk dihubungi.

(LETTERHEAD)

Julai 2024M  
*Muharam 1446H*

**Encik Muhammad Iqbal bin Zahanuddin**

Setiausaha Sulit kepada  
Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang  
Pejabat KDPB Sultan Pahang  
26600 Pekan

**PAHANG DARUL MAKMUR**

*Yang Berusaha Tuan,*

**PEMOHONAN MENGHADAP KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Yang Berusaha Tuan, saya (**Nama dan Jawatan**) dari (**Agensi/Jabatan/NGO**) ingin mendapatkan perkenan bagi menghadap Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah.
3. Bersama-sama ini disertakan warkah kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku yang jelas menerangkan maksud dan tujuan tersebut. Dalam hubungan ini, saya lampirkan profil tetamu yang akan terlibat dalam majlis menghadap tersebut.
4. Kerjasama pihak Yang Berusaha Tuan menyembahkan perkara ini kesisi Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku saya dahului dengan ucapan terima kasih. Saya juga sedia dihubungi di talian (**Nombor telefon bimbit**) sekiranya terdapat sebarang pertanyaan dan maklum balas berkenaan perkara ini.

Sekian, salam hormat.

( **NAMA** )  
JAWATAN